

Baca ayat-ayat di bawah dengan telitinya. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** dalam ayat tersebut. Kemudian, tulis **subjek** dan **predikat** pada ruangan yang disediakan

1. Murid-murid itu masih makan di kantin.

Subjek : _____

Predikat : _____

2. Malaysia telah mengalahkan England dalam pertandingan akhir Piala Thomas.

Subjek : _____

Predikat : _____

3. Saya meminjam buku Sejarah yang tebal itu daripada Cikgu Zurina.

Subjek : _____

Predikat : _____

4. Juara pertandingan nyanyian itu menerima pelbagai hadiah daripada pihak penganjur.

Subjek : _____

Predikat : _____

5. Cikgu Fatimah mengadakan kelas tambahan bagi subjek Bahasa Melayu pada setiap hari Isnin.

Subjek : _____

Predikat : _____

6. Kumpulan koir itu telah mendapat pujian orang ramai.

Subjek : _____

Predikat : _____

7. Puan Dayana menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan.

Subjek : _____

Predikat : _____

8. Ayah telah membeli dua bungkus nasi lemak pada pagi itu.

Subjek : _____

Predikat : _____